

Utusan Malaysia Oktober 2017

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	01 Oktober 2017	SPRM sita RM334.53 juta	Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad	3
2.	02 Oktober 2017	Pegawai TUDM didakwa terima suapan RM1,500	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	4
3.	03 Oktober 2017	Reman Setiausaha Politik Menteri Sumber Manusia dilanjut lima hari lagi	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	5
4.	04 Oktober 2017	BNM kenakan denda RM115.8 juta	Gabenor BNM, Tan Sri Muhammad Ibrahim	6
5.	05 Oktober 2017	M12j bantu 5,212 nelayan darat	Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman	7
6.	06 Oktober 2017	Lima termasuk dua pegawai MPAJ ditahan Seleweng tiga projek baiki, pasang lampu jalan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	9
7.	07 Oktober 2017	Seleweng RM1.5b dalam 7 tahun	Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Bakri	11
8.	09 Oktober 2017	4 saksi penting akan dipanggil seleweng dana Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	13
9.	09 Oktober 2017	PM - Peruntukan RM30 juta bermatlamat naik taraf pusat tahfiz	Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi	15
10.	14 Oktober 2017	Menantu Hamid Apdal ditahan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	16
11.	15 Oktober 2017	SPRM tangkap menantu Hamid Apdal	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	17
12.	15 Oktober 2017	KKLW : Ahli perniagaan bergelar 'Datuk' dipanggil bantu siasatan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	18
13.	19 Oktober 2017	Shafie ditahan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	19
14.	20 Oktober 2017	PFP lapor SPRM tindakan Ahli Majlis PBT P. Pinang didakwa salah guna kuasa	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	20
15.	24 Oktober 2017	Dua bekas setiausaha Mohd. Shafie bebas reman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	21
16.	25 Oktober 2017	Didakwa salah guna kuasa dalam pembekalan cenderahati	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	22
17.	25 Oktober 2017	SPRM dapatkan maklumat di pejabat MBPP kes tragedi tanah runtuh	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	23

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
18.	27 Oktober 2017	Siasat Kerajaan P.P berhubung penyelewengan rumah mampu milik, kos rendah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	24
19.	27 Oktober 2017	Gesa SPRM siasat rasuah projek perumahan Tanjung Bungah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	25
20.	27 Oktober 2017	Pekerja TNB minta rasuah RM280 direman tiga hari	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	26
21.	31 Oktober 2017	Tiga kali dicemari ammonia	-	27

01 Oktober 2017

1. SPRM sita RM334.53 juta



PUTRAJAYA 1 Okt. - Jumlah harta berkaitan rasuah dan penyelewengan kuasa sebanyak RM334.53 juta telah berjaya disita oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sepanjang tempoh setahun antara Ogos tahun lalu hingga Ogos lepas.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad berkata, jumlah tersebut merupakan peningkatan berkali-kali ganda berbanding tempoh sama setahun sebelum itu iaitu hanya RM55.02 juta.

"Bagi pertuduhan kes pula, sebanyak 405 kes telah dituduh di mahkamah dalam tempoh tersebut iaitu peningkatan sebanyak 32.83 peratus berbanding tempoh setahun sebelumnya.

"Selain itu, bagi tempoh sama sebanyak 952 kertas siasatan telah dibuka iaitu peningkatan sebanyak 2.94 peratus berbanding tempoh setahun sebelumnya," katanya ketika berucap dalam majlis Sambutan Ulang Tahun Jubli Emas Penubuhan Badan Pencegahan Rasuah (BPR)/SPRM Ke-50 dan Majlis Perasmian Kompleks Ibu Pejabat SPRM di sini hari ini.

Majlis perasmian itu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dalam pada itu, menurut Dzulkifli, sebanyak 910 tangkapan telah dilakukan dalam tempoh yang sama berbanding tempoh setahun sebelumnya.

2. Pegawai TUDM didakwa terima suapan RM1,500

SHAH ALAM 2 Okt. - Seorang pegawai Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) berpangkat Mejar dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan menerima suapan berjumlah RM1,500 pada September tahun lepas.

Noor Mohd. Syahidami Mohammad Saaid, 39, yang juga Setiausaha di Lembaga Sukan TUDM mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Beliau yang telah berkhidmat di TUDM selama 20 tahun didakwa menerima suapan RM1,500 daripada seorang individu, Roslizawati Mustaffa Kamal sebagai upah bagi setiap kursus sukan yang dijalankannya (tertuduh) dengan alasan wang itu adalah untuk kegunaan Lembaga Sukan TUDM.

Noor Mohd. Syahidami yang sudah berumah tangga dan mempunyai tiga anak didakwa melakukan kesalahan itu di hadapan Open University Malaysia Seri Rampai, Wangsa Maju, Kuala Lumpur, kira-kira 6.49 petang pada 14 Sept 2016.

Dia dituduh mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan jika sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya Mohammed Heikal Ismail yang mengendalikan pendakwaan mencadangkan supaya tertuduh dibebaskan dengan jaminan RM8,000 serta seorang penjamin.

Bagaimanapun, peguam Harjinder Singh, yang mewakili pegawai tentera itu memohon mahkamah mengenakan jaminan RM1,500 iaitu bersamaan dengan jumlah wang suapan seperti dalam pertuduhan, atas alasan anak guamnya memberikan kerjasama penuh sepanjang siasatan.

Hakim Rozilah membenarkan tertuduh dibebaskan dengan jaminan RM7,000 serta seorang penjamin dan menetapkan 2 Nov sebagai tarikh pengurusan kes, selain memerintahkan pasport pegawai tentera itu diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai.

03 Oktober 2017

3. Reman Setiausaha Politik Menteri Sumber Manusia dilanjut lima hari lagi



SETIAUSAHA Politik Menteri Sumber Manusia (berbaju jingga) dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya sebelum ini bagi mendapatkan perintah reman berhubung penyelewengan dana Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

PUTRAJAYA 3 Okt. - Tempoh reman Setiausaha Politik kepada Menteri Sumber Manusia yang ditahan bagi membantu siasatan kes penyelewengan dana RM40 juta Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) disambung lima hari lagi sehingga Sabtu ini.

Perintah tersebut dikeluarkan oleh Majistret Siti Nabilah Abd. Rashid di Mahkamah Majistret di sini hari ini.

Terdahulu, suspek yang berumur 60 tahun itu tiba di mahkamah tersebut kira-kira pukul 9.20 pagi dengan diiringi pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Suspek yang bergelar Datuk itu sebelum ini direman selama enam hari bermula 28 September lalu selepas ditahan pada pukul 12.30 tengah hari sehari sebelum itu ketika hadir memberikan keterangan di Ibu Pejabat SPRM di sini.

04 Oktober 2017

4. BNM kenakan denda RM115.8 juta



GABENOR Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Muhammad Ibrahim menyampaikan ucaptama dan merasmikan Persidangan Jenayah dan Keganasan Antarabangsa Kesembilan (IFCTF) 2017

KUALA LUMPUR 4 Okt. - Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengenakan denda berjumlah RM115.8 juta sejak 2015 sehingga Jun 2017 terhadap institusi yang melanggar peraturan yang ditetapkan BNM.

Gabenor BNM, Tan Sri Muhammad Ibrahim berkata, pihaknya akan terus bersikap tegas dalam memastikan integriti sistem kewangan negara kekal teratur dan berkesan.

Katanya, BNM berharap institusi kewangan dapat mematuhi peraturan yang kukuh dan standard tadbir urus korporat yang betul.

"Kami tidak akan teragak-agak untuk mengenakan denda yang tinggi sekiranya terdapat institusi kewangan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

"BNM juga bekerjasama dengan pemain industri dan agensi lain bagi memastikan integriti sistem kewangan negara terus terjamin," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama dan merasmikan Persidangan Jenayah dan Keganasan Antarabangsa Kesembilan (IFCTF) 2017 di sini hari ini.

05 Oktober 2017

5. M12j bantu 5,212 nelayan darat

Tajuddin Abdul Rahman (dua dari kanan) melepaskan benih ikan di Tasik Marina Putrajaya, semalam.

PUTRAJAYA 5 Okt. - Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM12 juta tahun ini untuk bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan Darat (ESHND) kepada 5,212 orang nelayan darat di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata, nelayan terlibat turut menikmati pelbagai insentif lain untuk meringankan beban mereka.

Katanya, kerajaan turut membantu nelayan darat dengan melepaskan berjuta-juta ekor ikan pelbagai spesies bagi memastikan sumber perikanan negara sentiasa mencukupi.

"Melalui Jabatan Perikanan, kita telah melepaskan sebanyak 422,600 benih ikan di seluruh negara dan program hari ini turut mencatat satu lagi rekod Malaysia Book of Records (MBOR).

"Bagi peringkat Putrajaya, sebanyak 6,055 ekor benih ikan dilepaskan ke perairan Tasik Putrajaya selain 14 lokasi lain di seluruh negara dengan melibatkan kos lebih RM100,000," katanya kepada pemberita di Jeti Marina Putrajaya, di sini hari ini.

Tajuddin berkata, langkah Jabatan Perikanan melepaskan benih ikan di perairan umum bertujuan meningkatkan sumber pendapatan nelayan darat selain menyokong pembangunan industri perikanan rekreasi untuk generasi akan datang.

Menurutnya, selain dapat menambahnya, ikan yang dilepaskan meningkat setiap tahun dari 6.72 juta ekor pada tahun 2012 kepada 8.34 juta ekor tahun lalu.

"Spesies ikan yang dilepaskan terdiri daripada kelah, temoleh, udang galah, baung, sebarang, tengalan, lampam sungai, terbul, tengas dan patin.

"Kita mahu memastikan kesinambungan kewujudan stok ikan di perairan sungai, justeru ikan-ikan yang dilepaskan perlu dijaga dari peringkat awal dan semua pihak perlu bekerjasama untuk kepentingan bersama," katanya.

Katanya, pengeluaran ikan darat tahun lalu sebanyak 5,850 tan dengan nilai RM89.5 juta dan impak daripada pelepasan benih-benih ikan tersebut dapat membantu menjana pendapatan nelayan darat.

06 Oktober 2017

6. Lima termasuk dua pegawai MPAJ ditahan

Seleweng tiga projek baiki, pasang lampu jalan

KUALA LUMPUR 6 Okt. - Dua pegawai di Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan tiga kontraktor ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan kes penyelewengan dan rasuah berkaitan tiga projek pembaikan dan pemasangan lampu jalan di sekitar Ampang, Selangor.

Difahamkan, dua pegawai terbabit dipercayai memperakui kerja-kerja segera bagi pemasangan lampu di beberapa lokasi telah siap sedangkan tugas itu tidak dilaksanakan.

Menurut sumber, dalam kes pertama pada Februari lalu, seorang daripada pegawai terbabit yang merupakan penolong jurutera berusia 35 tahun dikatakan memperakui kerja penyelenggaraan yang dilakukan sebuah syarikat kontraktor elektrik bernilai RM19,500.

Ujarnya, bayaran sudah dibuat kepada syarikat kontraktor itu namun kerja-kerja itu tidak dilaksana.

"Hasil siasatan mendapati wang itu disalurkan kepada sebuah akaun syarikat lain yang dipercayai mempunyai kaitan dengan salah seorang suspek. SPM menahan suspek dan dua individu dipercayai kontraktor yang masing-masing berusia 32 tahun kira-kira pukul 3 petang ini di Klang, Selangor," katanya.

Sumber itu memberitahu, dalam kes kedua, seorang lagi pegawai yang juga penolong jurutera berusia 34 tahun dikesan turut memperakui kerja bagi dua projek membaiki kerosakan lampu jalan di Ampang antara bulan Jun hingga November 2016 telah disiapkan.

Jelasnya, projek pertama kononnya dibuat antara bulan Jun 2016 hingga Julai 2016 di sekitar Dusun Bandar Taman Kosas, Ampang yang berjumlah RM19,700 manakala projek kedua antara bulan Oktober 2016 hingga bulan November 2016 pula melibatkan dua lokasi yang masing-masing bernilai RM19,600.00 dan RM19,500.00.

"Kedua-dua bayaran itu sudah dibuat kepada sebuah syarikat kontraktor elektrik tetapi siasatan mendapati ia disalurkan kepada sebuah lagi akaun syarikat milik jurutera itu.

"Sehubungan itu, seorang suspek dan seorang individu dipercayai kontraktor yang berusia 43 tahun ditahan di Klang kira-kira pukul 3 petang ini dan pelbagai beg berjenama seperti Prada, Coach, Channel, Burberry, Louis Vuitton, Kate Spade dan Micheal Kors bernilai hampir RM57,000 ditemukan di rumah seorang daripada mereka," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan berkata kesemua suspek akan direman di Mahkamah Majistret Klang, esok

7. Seleweng RM1.5b dalam 7 tahun

KOTA KINABALU 6 Okt. - Siasatan kes penyelewengan dana di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) memasuki episod baharu apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan kira-kira RM1.5 bilion peruntukan kerajaan diseleweng dalam tempoh tujuh tahun dari 2009 hingga 2015.



Perkembangan tersebut mengejutkan pelbagai pihak kerana hanya dalam tempoh singkat bermula kelmarin, SPM membekukan sembilan akaun membabitkan wang berjumlah RM180 juta termasuk menahan tiga suspek.

Kesemua peruntukan berkenaan dipercayai diseleweng daripada dana projek-projek infrastruktur rakyat seperti pembinaan jalan raya, bekalan air dan elektrik di Sabah yang disalurkan melalui lebih 60 syarikat proksi.

Sepanjang tujuh tahun tersebut, Presiden Parti Warisan Sabah (Warisan), Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal menerajui KKLW.

AZAM BAKI

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPM, Datuk Seri Azam Baki berkata, siasatan terhadap skandal penyelewengan berkenaan bermula tahun lalu ketika SPM menyiasat kes Jabatan Air negeri apabila beberapa pihak tampil menyalurkan maklumat berhubung perkara yang tidak betul membabitkan projek-projek luar bandar.

Katanya, antara tahun 2009 hingga 2015, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM7.5 bilion kepada Sabah melalui KKLW, justeru beliau percaya lebih ramai individu terlibat dalam skandal berkenaan dan menegaskan tidak ada sesiapa akan terlepas.

"Kami melihat kepada projek-projek rakyat ini ada yang tidak sempurna, mungkin ada tidak betul dibuat dan kita juga melihat kepada isu-isu rasuah dalam kes ini.

"Lebih daripada 60 syarikat dipercayai terlibat, namun banyak yang sudah tutup tetapi kami melantik pegawai untuk menyiasat perkara ini dan mengambil keterangan saksi-saksi yang terbabit.

"Sesiapa sahaja yang boleh menjadi saksi akan dipanggil, manakala individu yang disyaki sebagai suspek akan ditangkap, tiada sesiapa akan terlepas," katanya kepada pemberita di pekarangan pejabat SPM negeri di sini hari ini.

Semalam, SPRM menahan tiga individu bagi membantu siasatan terhadap pembekuan wang RM180 juta iaitu Naib Presiden Warisan Sabah, Datuk Peter Anthony, 46; bekas Timbalan Setiausaha Bahagian Infrastruktur KKLW, Norhartarty Rahmat, 40; dan ahli perniagaan, Yu Sin Kong, 52, bagi membantu siasatan.

Sementara itu, Mahkamah Majistret di sini hari ini mengeluarkan perintah reman selama lima hari terhadap Peter dan Sin Kong bagi membantu SPRM menjalankan siasatan dengan lebih lanjut.

Majistret Stephanie Sherron Abbie mengeluarkan perintah tersebut dalam kamar hakim terhadap kedua-dua suspek selepas permohonan dibuat oleh Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mohd. Faliq Basirudin bagi melancarkan siasatan yang dijalankan di bawah Seksyen 17a Akta SPRM 2009.

Semasa prosiding, Peter diwakili lima orang peguam iaitu Martin Tommy, Loretto Padua Jr, Cedric Choo, Joikol Siton dan Norazmi Alimat manakala Sin Kong diwakili peguam Edward Paul.

Dalam pada itu, di Mahkamah Majistret Putrajaya, Norhartarty direman selama enam hari bermula hari ini bagi membantu berhubung siasatan penyelewengan dana berkenaan.

09 Oktober 2017

8. 4 saksi penting akan dipanggil

Seleweng dana Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah



KUALA LUMPUR 8 Okt. - Empat individu yang mempunyai kaitan dengan seorang pemimpin sebuah parti politik yang dikatakan bekas menteri akan dipanggil bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes penyelewengan dana di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Menurut sumber, mereka merupakan saksi penting kes berkenaan kerana dipercayai turut terlibat menerima wang daripada kontraktor-kontraktor yang menjalankan projek luar bandar di Sabah.

"Mereka ini dapat membantu memberi keterangan mengenai projek yang telah diberikan kepada pihak tertentu dan berkemungkinan boleh mengesahkan wang yang diterima oleh pihak tersebut.

"Bagaimanapun tidak diketahui sama ada wang tersebut diterima bagi pihak pemimpin politik berkenaan atau tidak," katanya.

Tambah sumber itu, kesemua saksi tersebut ada yang masih dikesan dan akan dipanggil SPRM dalam masa terdekat.

Utusan Malaysia pada Jumaat lalu melaporkan, siasatan kes penyelewengan dana di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) memasuki episod baharu apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan kira-kira RM1.5 bilion peruntukan kerajaan diseleweng dalam tempoh tujuh tahun dari 2009 hingga 2015.


Perkembangan tersebut mengejutkan pelbagai pihak kerana hanya dalam tempoh singkat bermula kelmarin, SPRM membukukan sembilan akaun membabitkan wang berjumlah RM180 juta termasuk menahan tiga suspek.

Kesemua peruntukan berkenaan dipercayai diseleweng daripada dana projek-projek infrastruktur rakyat seperti pembinaan jalan raya, bekalan air dan elektrik di Sabah yang disalurkan melalui lebih 60 syarikat proksi.

Terdahulu, SPRM pada Khamis lalu telah menahan tiga individu iaitu Naib Presiden Warisan Sabah, Datuk Peter Anthony, 46; bekas Timbalan Setiausaha Bahagian Infrastruktur KKLW, Norhartarty Rahmat, 40; dan ahli perniagaan, Yu Sin Kong, 52, bagi membantu siasatan terhadap pembekuan wang RM180 juta tersebut.

Kesemua suspek kemudian direman bagi membantu SPRM menjalankan siasatan dengan lebih lanjut.

09 Oktober 2017

9. PM - Peruntukan RM30 juta bermatlamat naik taraf pusat tahfiz**AHMAD ZAHID HAMIDI**

PUTRAJAYA 9 Okt - Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menegaskan peruntukan sebanyak RM30 juta kepada pusat tahfiz seluruh negara perlu digunakan untuk menaik taraf infrastruktur dan bukannya untuk membayar gaji kakitangan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan pada tahun lalu juga telah menyalurkan peruntukan RM30 juta kepada pusat-pusat tahfiz namun 80 peratus daripada peruntukan itu digunakan untuk gaji kakitangan pusat-pusat tahfiz.

"80 peratus peruntukan digunakan untuk bayar gaji sedangkan matlamatnya adalah untuk menaik taraf, saya akan pastikan RM30 juta ini digunakan untuk menaik taraf kemudahan maahad tahfiz," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Psikologi Modal Insan 2017 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Pada 15 September lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memberitahu, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM30 juta bagi membantu menaik taraf pusat tahfiz swasta sekali gus menyangkal dakwaan kononnya kerajaan tidak mempedulikan sekolah agama swasta berkenaan.

15 Oktober 2017

10. Menantu Hamid Apdal ditahan SPRM

KOTA KINABALU 14 Okt. - Seorang ahli perniagaan berusia 33 tahun menjadi individu kelapan ditangkap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan agensi itu terhadap penyelewengan dana kebajikan kerajaan.

Menurut sumber, suspek yang merupakan menantu Hamid Apdal ditangkap di pejabat SPRM di sini pada pukul 5.15 petang ini.

"Hari ini kami menangkap menantu Hamid untuk membantu siasatan yang sedang dijalankan," katanya kepada Utusan Malaysia.

Ahli perniagaan itu ditahan bagi membantu siasatan terhadap lebih 10 akaun bernilai RM179 juta yang dipercayai mempunyai kaitan dengan penyelewengan dana kebajikan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebanyak RM1.5 bilion antara tahun 2009 hingga 2015.

Sebelum ini, Hamid, 52, yang juga adik kepada Presiden Warisan, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal merupakan suspek ketujuh ditangkap SPRM pada Selasa lalu bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 17a Akta SPRM 2009.

15 Oktober 2017

11. SPRM tangkap menantu Hamid Apdal



KERATAN Utusan Malaysia 11 Oktober 2017.

KOTA KINABALU 14 Okt. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini melakukan tangkapan kelapan iaitu menantu Hamid Apdal bagi membantu siasatan kes penyelewengan dana kerajaan sebanyak RM1.5 bilion di bawah projek Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) di Sabah sepanjang tempoh 2009 hingga 2015.

Menurut sumber, lelaki berusia 33 tahun itu hadir memberikan keterangan kepada SPRM sebanyak empat kali sebelum ditahan di pejabat SPRM di sini pada pukul 5.15 petang.

"Hari ini kami menangkap menantu Hamid untuk membantu siasatan yang sedang dijalankan," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Ahli perniagaan itu ditahan bagi membantu siasatan terhadap lebih 10 akaun bernilai RM179 juta yang dipercayai mempunyai kaitan dengan penyelewengan dana kebajikan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebanyak RM1.5 bilion antara tahun 2009 hingga 2015.

Sebelum ini, Hamid, 52, yang juga adik kepada Presiden Warisan, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal merupakan suspek ketujuh ditangkap SPRM pada Selasa lalu bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 17a Akta SPRM 2009.

Enam lagi individu yang telah ditangkap ialah Naib Presiden Warisan, Datuk Peter Anthony, 46; bekas Timbalan Setiausaha Bahagian KKLW, Norhartarty Rahmat, 40; ahli perniagaan, Yu Sin Kong, 52; Ketua Wira Warisan, Datuk Mohd. Azis Jamman; Ketua Pemuda UMNO Tenom, Jamawi Jaafar dan Ketua Pemuda UMNO Tawau, Ariffin Kassim.

15 Oktober 2017

12. KKLW : Ahli perniagaan bergelar 'Datuk' dipanggil bantu siasatan

KOTA KINABALU 15 Okt. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah hari ini memanggil seorang ahli perniagaan bergelar 'Datuk' bagi membantu siasatan berhubung penyelewengan dana pembangunan luar bandar di Sabah.

Menurut sumber, ahli perniagaan berkenaan dikatakan mempunyai sekurangnya-kurangnya tujuh syarikat di bawah kawalannya, termasuk miliknya sendiri, yang mendapat kontrak daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Selain tujuh syarikat berkenaan, ahli perniagaan itu juga ada meminjam lesen daripada rakan-rakannya dengan membayar *involvement fee* sebanyak RM30,000 bagi setiap lesen.

"Tujuan peminjaman lesen adalah memenuhi tuntutan syarat kelayakan tender terhad iaitu 10 syarikat bagi satu projek yang dipohon," menurut sumber berkenaan.

Timbalan Pesuruhjaya (Operasi) Datuk Seri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan individu tersebut telah dipanggil untuk diambil keterangan tetapi enggan mengulas lanjut.

13. Shafie ditahan SPRM**MOHD. SHAFIE APDAL**

KOTA KINABALU 19 Okt. - Presiden Parti Warisan Sabah (Warisan) Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal ditangkap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan penyelewengan dana Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) antara 2009 hingga 2015.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berkenaan yang dibuat pada pukul 9 malam.

Terdahulu, Mohd. Shafie tiba di pejabat SPRM di sini pada pukul 5.20 petang untuk memberi keterangan berhubung siasatan berkenaan.

Beliau merupakan Menteri KKLW dalam tempoh tujuh tahun itu, ketika penyelewengan dana sebanyak RM1.5 bilion didakwa berlaku.

20 Oktober 2017

14. PFP lapor SPRM tindakan Ahli Majlis PBT P. Pinang didakwa salah guna kuasa

PATRICK OOI (tengah) bersama ahli Penang Front Party (PFP) hadir ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang pagi tadi bagi membuat laporan berhubung tindakan seorang ahli majlis pihak berkuasa tempatan menyalahgunakan kuasa dari 2008 hingga 2015 di SPRM Pulau Pinang, Jalan Sultan Ahmad Shah di sini hari ini.

PULAU PINANG 20 Okt. - Penang Front Party (PFP) membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri di sini berhubung tindakan seorang Ahli Majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini yang didakwa menyalahgunakan kuasa dari tahun 2008 hingga 2015.

Menurut Pengurusnya, Datuk Patrick Ooi, individu berusia 40-an itu dipercayai menyalahgunakan kuasanya untuk mendapatkan beberapa projek yang mencecah bilion ringgit sebelum diserahkan kepada syarikat yang mempunyai hubungan dengannya.

Dakwanya, hasil tindakan itu yang turut melibatkan beberapa lagi penjawat awam negeri ini, lelaki berkenaan akan mendapat imbuhan berbentuk 'gaji' dan elaun.

"Sehubungan itu, kita meminta SPRM menyiasat perkara ini kerana kita mempunyai bukti kukuh termasuk saksi yang bersedia mendedahkan penglibatan pemimpin lelaki berkenaan," katanya ketika ditemui di luar pejabat SPRM di sini pagi tadi

24 Oktober 2017

15. Dua bekas setiausaha Mohd. Shafie bebas reman

BEKAS Setiausaha Sulit dan Setiausaha Akhbar kepada bekas Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya. - UTUSAN

PUTRAJAYA 24 Okt.- Dua bekas setiausaha kepada Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal yang direman berhubung penyelewengan dana awam bernilai RM1.5 bilion dibebaskan dari tahanan reman dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Kedua-dua individu tersebut adalah Izhar Idrus dan Zamri Maulan yang masing-masing merupakan Setiausaha Sulit dan Setiausaha Akhbar kepada Mohd. Shafie ketika menjadi Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Majistret Nik Muizzuddin Nik Muhammad membenarkan kedua-dua lelaki itu dibebaskan dengan masing-masing dikenakan jaminan tunai RM15,000 beserta seorang penjamin.

Mereka sebelum ini direman selama lima hari bermula 20 Oktober lalu berhubung kes penyelewengan dana awam bagi projek pembangunan luar bandar bernilai RM1.5 bilion yang disalurkan menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di Sabah antara 2009 hingga 2015.

25 Oktober 2017

16. Didakwa salah guna kuasa dalam pembekalan cendera hati

Bekas pembantu tadbir Pejabat MB Selangor ditahan SPRM

SHAH ALAM 25 Okt.- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan serorang bekas pembantu tadbir Pejabat Menteri Besar Selangor atas dakwaan rasuah dan salah guna kuasa dalam pemberian projek pembekalan cenderahati pada tahun lalu. Penahanan individu berusia 38 tahun itu dibuat di pejabatnya kira-kira pukul 12.30 tengah hari ini.


SPRM dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini malam ini menyatakan suspek disyaki telah menerima wang rasuah sebanyak RM16,566 pada tahun lalu daripada pemilik sebuah syarikat cenderahati sebagai balasan mengesyorkan syarikat berkenaan sebagai pembekal cenderahati untuk Pejabat Menteri Besar Selangor.

Pada masa sama, suruhanjaya itu turut menahan pemilik syarikat cenderahati terbabit berusia 59 tahun kira-kira pukul 3.30 petang termasuklah isterinya berusia 52 tahun.

"Isteri kepada pemilik syarikat terbabit ditahan kerana dipercayai bersekongkol dengan kedua-dua suspek," jelas kenyataan itu.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu selain memaklumkan kesemua suspek akan direman di Mahkamah Shah Alam, pagi esok.

25 Oktober 2017

17. SPRM dapatkan maklumat di pejabat MBPP kes tragedi tanah runtuh

KEADIAN tanah runtuh di tapak pembinaan rumah pangsa dekat Lembah Permai, Tanjung Bungah, Georgetown, Pulau Pinang baru-baru ini mengorbankan 11 nyawa.

PULAU PINANG 25 Okt. - Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Abd. Aziz Aban mengesahkan sekumpulan pegawainya hadir di pejabat Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini Isnin lalu.

Bagaimanapun, menurut beliau, lawatan itu merupakan proses biasa bagi mendapat maklumat mengenai tragedi tanah runtuh di tapak projek pembinaan Tanjung Bungah di sini Sabtu lalu.

"Tiada serbuan oleh SPRM ke atas MBPP, cuma lawatan biasa bagi mendapat maklum mengenai kejadian itu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Dalam kejadian Sabtu lalu, seramai 11 orang terkorban selepas tertimbas tanah runtuh ketika bekerja di tapak pembinaan di tepi lereng bukit di Tanjung Bungah kira-kira pukul 8.50 pagi.

Mereka yang terdiri daripada seorang warga tempatan dan 10 pekerja asing ketika kejadian sedang menyiapkan bahagian bawah tanah tapak projek bagi pembinaan sebuah rumah mampu milik setinggi 50 tingkat

27 Oktober 2017

18. Siasat Kerajaan P.P berhubung penyelewengan rumah mampu milik, kos rendah



PENGERUSI Penang Front Party, Datuk Patrick Ooi (dua dari kanan) bersama Ketua Pasukan Pemantauan Isu-Isu Perumahan, Eagan Teoh (empat dari kiri) melihat dokumen sebelum membuat laporan berhubung penyelewengan rumah mampu milik dan kos rendah yang dipercayai dilakukan Kerajaan DAP Pulau Pinang, di hadapan Pejabat SPRM Pulau Pinang pagi tadi. - UTUSAN

PULAU PINANG 27 Okt. - Penang Front Party (PFP) meminta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat Kerajaan DAP Pulau Pinang yang dipercayai telah melakukan penyelewengan dengan memberi rumah mampu milik dan kos rendah kepada individu yang tidak layak.

Ketua Pasukan Pemantauan Isu-Isu Perumahan PFP, Eagan Teoh berkata, terdapat tujuh kes yang melibatkan rumah berjumlah antara RM42,000 hingga RM300,000 diberikan tanpa mematuhi syarat ditetapkan.

Menurutnya, penyelewengan itu turut melibatkan seorang pegawai wanita di Pejabat Ketua Menteri, ahli majlis pihak berkuasa tempatan negeri ini dan seorang pegawai penerangan kerajaan negeri.

"Kita difahamkan gaji pegawai wanita Pejabat Ketua Menteri berjumlah RM1,770 tetapi dia boleh memiliki rumah bernilai RM300,000 manakala ahli majlis dan pegawai penerangan yang bergaji RM3,000 boleh memiliki rumah bernilai RM72,500.

"Kita juga dimaklumkan seorang doktor bergaji RM7,000 dan dua pasangan yang bekerja di syarikat swasta dengan pendapatan antara RM7,000 hingga RM8,000 boleh memiliki rumah kos rendah bernilai RM42,000," katanya sebelum membuat laporan di Pejabat SPRM negeri di sini hari ini.

27 Oktober 2017

19. Gesa SPRM siasat rasuah projek perumahan Tanjung Bungah

K. PRABA (dua dari kanan) menunjukkan laporan yang dibuat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berkaitan projek perumahan di Tanjung Bungah hari ini.

PULAU PINANG 27 Okt. - Persatuan Anak Jati Pulau Pinang hari ini membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi meminta pertubuhan itu menyiasat unsur rasuah dalam kalangan kerajaan negeri berhubung projek perumahan di Tanjung Bungah di sini.

Timbalan Pegerusinya, K. Praba berkata, Kerajaan DAP Pulau Pinang dilihat mengabaikan perintah Jabatan Alam Sekitar yang tidak meluluskan projek itu dan tindakan itu menimbulkan keraguan.

"Kawasan itu tidak sesuai untuk projek pembangunan kerana terdapat kuari berhampiran dengannya dan kita ingin SPRM siasat sekiranya terdapat kegiatan rasuah yang menyebabkan kelulusan tersebut diberikan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau bersama kira-kira lima ahli jawatankuasa persatuan itu yang membawa garis panduan pembinaan projek oleh JAS ditemui di hadapan Pejabat SPRM negeri sebelum membuat laporan berkenaan kira-kira pukul 11 pagi tadi.

Sabtu lalu, sebanyak 11 individu termasuk seorang rakyat tempatan yang juga pekerja pembinaan perumahan tersebut tertimbus dalam kejadian tanah runtuh dan disahkan meninggal dunia.

27 Oktober 2017

20. Pekerja TNB minta rasuah RM280 direman tiga hari



Seorang kakitangan TNB (kiri) Seremban direman selepas dipercaya meminta suapan RM280 daripada seorang pemilik rumah bagi mempercepatkan penyambungan elektrik di Mahkamah Khas Reman di Seremban, hari ini.

RASAH 27 Okt. - Seorang pekerja Tenaga Nasional Berhad (TNB) ditahan reman tiga hari bermula hari ini berhubung kes meminta sogokan wang tunai RM280 daripada seorang pemilik rumah bagi mempercepatkan penyambungan bekalan elektrik, Rabu lalu.

Perintah reman itu dikeluarkan Pendaftar Mahkamah Khas Reman, Nur Hayatie Mohd. Saini selepas permohonan dikemukakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pagi ini.

Lelaki berusia 38 tahun yang bekerja di TNB cawangan Seremban tiba di mahkamah pada pukul 10.28 pagi dengan diiringi pegawai SPRM.

Dia ditahan oleh SPRM pada pukul 12 tengah hari di pejabatnya dan wang sogokan RM280 dijumpai di lokasi tersebut.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009

21. Tiga kali dicemari ammonia

Lemah kuat kuasa, ketirisan punca kes berulang di Sungai Johor



KEADAAN muara Sungai Sayong menemukan Sungai Johor dan Sungai Linggi, Kluang yang dicemari ammonia hingga menjelaskan tiga Loji Rawatan Air di Kota Tinggi dan Kulai, Johor, kelmarin. IHSAN PEJABAT TANAH KLUANG

SUNGAI Johor tercemar lagi? Ya dan ini merupakan kali ketiga dalam tahun ini sungai tersebut dicemari ammonia hingga mengakibatkan tiga Loji Rawatan Air (LRA) terpaksa dihentikan operasinya pada malam kelmarin.

Sungai Johor yang membekalkan sumber air mentah kepada LRA Semangar, LRA Sungai Johor dan LRA Tai Hong di Kulai dan Kota Tinggi itu adalah untuk beberapa kawasan sekitar Johor Bahru, Kulai, Kota Tinggi dan Gelang Patah.

Penutupan operasi tiga LRA itu terpaksa dilakukan supaya kesan ammonia tidak masuk ke dalam sistem rawatan air bersih seterusnya mengganggu kualiti air yang diterima kira-kira dua juta penduduk.

Bagaimanapun, syabas kepada SAJ Ranhill Sdn. Bhd. (SAJ Ranhill) kerana dapat menyelesaikan krisis air tersebut dalam tempoh 24 jam. SAJ Ranhill sekali lagi berjaya melegakan orang ramai apabila semua LRA itu beroperasi sepenuhnya petang semalam.

Begitu juga tahniah SAJ Ranhill kerana berjaya mengesan ammonia pukul 11 malam kelmarin yang mencapai tahap bacaan 2.75 ppm berbanding bacaan 1.5 ppm yang ditetapkan Kementerian Kesihatan sebelum merosakkan kandungan air mentah secara keseluruhan.

Punca pencemaran itu disebabkan dari sebuah ladang ayam telur dan kilang memproses najis ayam untuk dijadikan baja di tebing Sungai Sayong iaitu anak Sungai Johor.

Insiden itu kali ketiga selepas Julai lalu dan puncanya dari kilang sama seperti sebelum ini? Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor mendapati kilang itu beroperasi tanpa kelulusan Pejabat Tanah Daerah Kulai dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Johor.

Malah JAS sebelum ini juga tidak menyokong kelulusan kilang di Tapak Penilaian Awal (PAT) untuk meneruskan projek berkenaan di kawasan itu. Ini agak menghairankan, tidak dibenarkan tetapi kilang itu beroperasi juga walaupun sudah melakukan kesalahan sama sebelum ini?

Berdasarkan pemeriksaan pihak JAS sebelum ini, kilang memproses baja tahi ayam itu tidak mengamalkan aspek penyimpanan sesuai terhadap baja yang dihasilkan. Ini kerana baja dari tahi ayam itu terdedah kepada cuaca dan apabila hujan meresap ke dalam tanah dan masuk ke dalam sungai menyebabkan berlaku pencemaran ammonia.

Seperti biasa apabila berlaku keadaan ini, mesyuarat seperti sebelum ini dijalankan semalam dipengerusikan Badan Kawal Selia Air Johor (Bakaj) bersama agensi terlibat termasuk SAJ, JAS, Pejabat Tanah dan Jabatan Veterinar.

Hasilnya ladang dan kilang berkenaan diarahkan ditutup dan keputusan mesyuarat bersetuju memindahkan kilang berkenaan ke lokasi lain. Dalam hal ini, satu siasatan menyeluruh perlu dilakukan oleh JAS dan pihak-pihak bertanggungjawab.

Kilang berkenaan dikatakan sudah dikenakan kompaun atas kesalahan terdahulu dan JAS tidak dapat mengarahkannya ditutup sebelum ini kerana hanya Pejabat Tanah dan Jabatan Veterinar yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian.

Masing-masing ada bidang kuasa sepatutnya tanggungjawab dijalankan. Disaran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut menyiasat kerana menimbulkan pelbagai persoalan terutama kesalahan berulang dan pengusaha ladang atau kilang itu seolah-olah 'kebal'.

Mereka yang bersalah dan menjadi dalang tidak harus dilepaskan. Penulis tidak dapat bayangkan kalau masalah ini berlaku di negeri diperintah pembangkang, sudah tentu riuh-rendah dan pelbagai polimik timbul menyalahkan kerajaan negeri!

Ammonia adalah gas beracun jika kandungannya melepas had kepekatan tertentu. Ini adalah satu kesalahan besar yang perlu kita fahami terutama kesannya. Tidak cukup dengan denda, tindakan tegas dan pemantauan perlu dilakukan bukan secara berkala tetapi setiap masa.

Bakaj akan memasang tiga unit alat pemantauan kualiti air di Sungai Johor dengan kos RM2.544 juta tidak lama lagi. Pemasangan alat tersebut jika tidak disusuli penguatkuasaan dan pembanterasan ketirisan, masalah tidak akan selesai.

Ini termasuk langkah kerajaan negeri untuk melakukan pemetaan kawasan sebagai mengawal dan memantau aktiviti industri yang beroperasi sepanjang sungai-sungai di negeri ini, jika tidak dikuatkuasakan, usaha bakal menjadi sia-sia.

Diakui Bakaj, JAS, Pejabat Tanah serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JAS) ada menjalankan aktiviti pemantauan serta penguatkuasaan mengesan aktiviti yang berpotensi untuk mencemarkan Sungai Johor, namun sejauh mana keberkesanannya tidak diketahui.

Dari segi teknologi, loji kumbahan tidak sukar untuk direka bentuk atau dibina untuk menyingkirkan ammonia asalkan pembiayaannya mencukupi. Banyak teknologi digunakan dengan meluas di pelbagai negara menghasilkan risiko dan kesan alam sekitar yang minimum.

Masalah sungai tercemar di Johor sudah lama berlaku yang bukan sahaja menjelaskan pengguna tetapi operasi perniagaan serta sektor tertentu termasuk terpaksa menanggung rugi.